

# Pastikan FDI ber

UM 2 1 AUG 2001

**K**AMPALA (Uganda) 20 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa negara-negara membangun memastikan aliran modal Pelaburan Langsung Asing (FDI) membuahkan hasil mengikut konsep perkongsian bestari sebagai salah satu strategi memperkukuhkan kedudukan ekonomi mereka.

Perdana Menteri menegaskan, pelabur-pelabur asing yang mengambil kesempatan kewujudan pasaran buruh murah perlu digesa supaya berkongsi sebahagian daripada kekayaan mereka, selain membolehkan rakyat negara mereka melabur memperoleh kemahiran.

“Jika kita bijak, dan fal-safah perkongsian bestari yang sememangnya memerlukan kita bijak, maka kita harus memastikan bahawa pelaburan langsung asing akan berakhir dengan perkongsian bestari,” kata beliau ketika berucap pada majlis Makan Malam Perkongsian Bestari Munityo sempena Global 2001 (SAID/LID) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menambah, dalam memberi tumpuan bagaimana mahu menarik modal asing dan mengubahsui sistem ekonomi selari dengan orde ekonomi dunia, negara-negara membangun tidak seharusnya lupa tentang keperluan konsep perkongsian bestari.

Ucapan beliau kali ini

bertemakan Mempertingkatkan Iklim Untuk FDI Melalui Perkongsian Bestari iaitu selari dengan tema Global 2001 (SAID/LID) yang pertama kali diadakan di Uganda. Global 2001 selama empat hari akan berakhir esok.

Sehubungan dengan saranan itu, jelas beliau, keuntungan-keuntungan yang diperoleh di sesebuah negara seharusnya dikongsi di negara-negara terbabit dalam bentuk cukai-cukai tertentu sama ada cukai pendapatan ataupun cukai korporat.

Sebaliknya, menurut beliau, pelabur-pelabur dan ahli-ahli perniagaan secara keseluruhan terkecuali dari dikenakan cukai oleh



**GLOBAL 2001 (SAID/LID)**

negara-negara membangun dalam usaha menarik aliran FDI.

“Adalah sesuatu yang adil dan logik apabila perniagaan-perniagaan yang beroperasi di seluruh dunia diwajibkan membayar cukai kepada dunia. Kesemua perniagaan ini berpangka-

## hasil — Mahathir

lan di negara-negara membangun.

“Ketika ini mereka menjelaskan cukai kepada negara mereka sendiri berdasarkan keuntungan yang diperoleh di peringkat antarabangsa. Pendapatan yang diperoleh oleh kerajaan mereka pergi kepada usaha untuk memperkayakan kehidupan rakyat negara mereka yang sebenarnya telah kaya,” tambah beliau.

Perdana Menteri yang melabelkan cukai yang perlu dikenakan sebagai cukai dunia berkata, langkah mengenakan cukai seumpama ke atas negara-negara maju yang menikmati manfaat daripada proses globalisasi, adalah satu tindakan adil.

“Malaysia telah menda-

pat manfaat daripada aktiviti perniagaan di peringkat dunia dan bersedia untuk membayar cukai seperti itu.

“Saya berharap negara-negara maju yang mendapat banyak faedah daripada globalisasi dan dunia tanpa sempadan akan menerima (cadangan pelaksanaan) cukai ini meskipun mereka menghulurkan sumbangan kepada beberapa negara miskin,” kata Dr. Mahathir.

Dalam hubungan ini, beliau meminta negara-negara miskin agar tidak menolak idea tersebut walaupun menyedari negara-negara maju tidak akan mengambil kira saranan dikenakan cukai dunia.

Tegas beliau, jika negara-negara maju ingin melihat

negara-negara miskin sama-sama berada dalam proses globalisasi dan pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Sedunia (WTO), pemimpin mereka seharusnya memastikan perkongsian kekayaan menjadi kenyataan dengan mempersejui idea cukai dunia.

Menurut beliau, ketika pelaburan-pelaburan langsung asing perlu dialukan dengan permaidani merah dibentangkan untuk mereka, usaha mendorong pelabur-pelabur tempatan juga perlu diberi perhatian.

“Dalam waktu tertentu, pelaburan tempatan akan mengalami pertumbuhan dan boleh disandar ketika negara mengalami masalah ekonomi.

“Adalah penting untuk mengingatkan bahawa pelabur-pelabur tempatan merupakan rakan kongsi perniagaan tulen.

“Mereka mempunyai kepentingan dalam kemakmuran negara. Mereka dengan sengaja tidak boleh menarik keluar pelaburan mereka ketika negara berada dalam keadaan sukar,” kata beliau.

Oleh itu, tambah beliau, kerajaan-kerajaan sewajarnya bijak apabila berurusan dengan mereka dan menganggap bahawa pelabur-pelabur tempatan juga wajar menikmati layanan yang sama rata sebagai rakan kongsi pembangunan.

— Utusan